

**Arahan pulangkan RM2.6 juta MBI tindakan diplomatik, kata Azmin**  
**Malaysian Insider**  
**Jan 6, 2015**  
**OLEH JAMILAH KAMARUDIN**

Menteri Besar Selangor Mohamed Azmin Ali menyifatkan arahan pemulangan pampasan RM2.6 juta Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) kepada lapan bekas pembantu Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebagai tindakan diplomatik.

Katanya, pihaknya mahu menyelesaikan isu itu secara baik dan berjanji membayar sejumlah bahagian mereka mengikut nilai yang ditetapkan.

"Ini cara yang saya ingat cukup diplomatik.

"Kita nak selesaikan cara baik, minta mereka pulangkan balik dan sekiranya ada hak mereka kita akan bayar, tetapi mesti ada garis panduan yang ada," katanya kepada pemberita di Bangunan Setiausaha Kerajaan (SUK) di Shah Alam, hari ini. Beliau turut menafikan laporan audit yang dijalankan Perbendaharaan Negeri cacat dan tidak telus, seperti didakwa bekas ketua pegawai eksekutif (CEO) MBI, Faekah Husin.

"Saya yakin pasukan audit dah ambil semua langkah untuk memastikan ada ketelusan dalam menyiasat kes ini dan mereka dah kemukakan saranan dan maklum balas kepada kerajaan negeri," katanya. – 7 Januari, 2015.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/arahan-pulangkan-rm2.6-juta-mbi-tindakan-diplomatik-kata-azmin>